

# WACANA INDUSTRI KAJIAN

## IMPAK ALAM SEKELILING

*Prepared by Mohamed Syarwan Osman*

Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA) merupakan suatu pendekatan saintifik untuk mengenal pasti impak alam sekitar dan mencadangkan langkah-langkah mitigasi bagi sesuatu cadangan projek. EIA secara umumnya, ia mempunyai manfaat yang banyak sekiranya dapat dilaksanakan dengan efektif. Pada masa kini, EIA telah dilaksanakan dengan meluas di seluruh dunia. Dalam konteks Malaysia sebanyak 2094 laporan EIA diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS) dari tahun 2004 hingga 2014 dengan purata laporan EIA yang diproses adalah sebanyak 264 laporan setahun.

Justeru, Fakulti kejuruteraan Kimia telah menjemput konsultan EIA iaitu Ir Ammar Mohd Rashid (Pengarah Urusan AMR Environment Sdn Bhd) pada 11 Mac 2020 lalu untuk berkongsi kepada pelajar-pelajar khususnya yang mengambil subjek CEV641 (Environmental Impact Assessment) berkaitan isu-isu terkini mengenai EIA ini.



Ternyata pencerahan diberikan oleh Ir Ammar sangat bermanfaat memandangkan beliau mempunyai pengalaman luas lebih 10 tahun sebagai konsultan EIA. Pendekatan yang bersahaja beliau amat mudah difahami dan memberi inspirasi kepada para pelajar. Selain daripada itu, beliau turut berkongsi mengenai kerjaya sebagai konsultan dalam bidang alam sekitar dan bagaimana pelajar boleh menceburi bidang ini pada masa hadapan. Beliau turut berkongsi mengenai tips temuduga kepada pelajar termasuk "peraturan 7 saat" untuk membina karisma dan impresi pertama yang bagus. Keseluruhannya, program ini telah mencapai matlamat yang dirangka dalam menyiapsiagakan pelajar tentang kerjaya masa depan mereka.